

#### Lot Pameran UPM Jadi Tumpuan Kenamaan



Prof. Dr. Fatimah Md Yusoff menerangkan hasil kajianinya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan oleh Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff dan Dato' Mustapa Mohamed.

SERDANG, 18 Ogos – Lot pameran Universiti Putra Malaysia (UPM) di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2008 telah menjadi tarikan tetamu kehormat dan kenamaan.

Antara tetamu yang meluangkan masa ialah Yang Dipertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin; Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid; Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed.

Lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan diiringi oleh Dato' Mustapa Mohamed ke lot pameran UPM bermula selepas belfau merasmikan MAHA 2008 pada 12 Ogos lalu.

Ia diikuti oleh Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid pada 17 Ogos yang lalu jam 4 petang.

Yang Dipertuan Agong mencemar duli ke lot pameran UPM pada 18 Ogos 2008 selepas baginda melawat lot pameran lain di MAHA.

Kesemua kunjungan tetamu tersebut telah disambut oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datin Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Abu Bakar Salleh.



Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff memberikan cenderamata kenangan kepada Dato' Mustapa Mohamed.

Maha ialah satu pameran tentang hasil-hasil pertanian dan industri asas tani sedang berlangsung dari 11 Ogos hingga 23 Ogos 2008 telah disertai tujuh buah kementerian, 20 jabatan dan agensi serta 13 negara termasuk Australia, Thailand, Brunei dan Filipina.

Lot pameran UPM di Dewan A, sektor kerajaan dan badan berkamun telah menjadi tarikan pelbagai lapisan pengunjung MAHA kerana menyediakan pameran tentang penyelidikan pertanian dan industri asas tani yang berpotensi untuk dikomersialkan di samping program pengajian di UPM.

Tidak hairanlah UPM memenangi naib johan gerai pameran terbaik kategori badan berkamun dan institusi pengajian tinggi (IPT) oleh MoA Inc di mana Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) telah memenangi hadiah utama.

Salah seorang pengunjung bernama Zulkifli Abdullah dari Johor Bahru, Johor berkata beliau tertarik dengan lot pameran UPM kerana menyediakan pameran program pengajian dan khidmat nashat untuk para petani dan usahawan baru.

Pengunjung antarabangsa, Dr. John B. Moran dari Australia berkata lot pameran UPM banyak menyediakan informasi berguna kepada pelawat selain ianya menarik.

"Laman web UPM juga mudah dilayari untuk mencari maklumat berguna kepada pengguna luar negara seperti saya," katanya lagi.

Urusetia pameran UPM, Noorizajune Abu Bakar berkata setakat ini 50 ribu pengunjung telah mengunjungi lot pameran UPM di MAHA 2008.



Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din menerangkan hasil kajian pensyarah kepada Tengku Anis Tengku Abdul Hamid sambil diperhatikan oleh Prof. Datin Dr. Nik

*Mustapha R. Abdullah dan Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff.*

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia